



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook :  
KementerianPerumahanDanKerajaanTempat  
an

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.4 ( 46 )

Tarikh : 19 Disember 2014

## SIARAN MEDIA

### BUSKERS CORNER MENAMBAHKAN KECERIAAN PERSIARAN TUN HABAB, KOTA TINGGI

**KOTA TINGGI, 19 DISEMBER 2014** – YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan Majlis Pelancaran "*Malaysian Buskers Corner*" Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor, anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) pada malam ini bertempat di Persiaran Tun Habab, Kota Tinggi, Johor.

2. "*Malaysian Buskers Corner*" atau singkatannya "*My Buskers Corner*" adalah bertujuan untuk menyediakan platform yang sistematik dan lengkap kepada golongan buskers ataupun penghibur jalanan untuk mempamerkan bakat mereka di khalayak ramai serta sebagai salah satu penyumbang kepada pewujudan bandar sejahtera dalam erti kata mudah – *to add soul into the city*.

3. "*MALAYSIAN BUSKERS CORNER*" atau "*MY BUSKERS CORNER*" telah mula wujud dan bertapak sejak tahun 1980-an lagi. Ianya merupakan satu program aktiviti busking yang menampilkan ruang aktiviti persembahan jalanan secara khusus yang digazetkan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri.

4. Aktiviti *busking* didapati terus berkembang di negara ini. Pada ketika ini, difahamkan terdapat seramai lebih kurang 10,000 orang buskers di seluruh negara dan tidak kurang banyaknya juga di Kota Tinggi dan kawasan sekitar.

5. Melalui kerjasama strategik KPKT dengan pihak Kerajaan Negeri, PBT dan *Malaysian Buskers Club (MYBC)* telah dipersetujui diwujudkan “*My Buskers Corner*” dalam kawasan PBT yang bertujuan untuk menyediakan platform kepada warga bandar bagi menonjolkan seni kreatif mereka. Melalui penyediaan “*My Buskers Corner*”, PBT dapat mengawal aktiviti *busking* dan memastikan aktiviti yang dijalankan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan isu-isu berkaitan dengan kacau ganggu, masalah kebersihan dan keselamatan kepada orang awam. KPKT percaya melalui pewujudan “*My Buskers Corner*” ini akan mengelakkan masalah *buskers* membuat persembahan di merata-rata tempat tanpa kawalan.

6. Sehingga kini, sebanyak 7 lokasi “*My Buskers Corner*” telah dilancarkan mulai Januari 2014 termasuk di Johor Bahru, Melaka, Kuantan, Kota Bharu, Kota Kinabalu, Port Dickson dan Ipoh. Lokasi seterusnya selepas ini adalah di Majlis Perbandaran Subang Jaya yang dijadualkan pada 24 Disember 2014.

7. Sejarah Kota Tinggi dan perkembangannya dicatatkan bermula dari tahun 1529 lagi dan ia mula diterokai oleh Sultan Alauddin Riayat Syah II, pengasas Kerajaan Johor dan telah berusia hampir 485 tahun lamanya. Nama Kota Tinggi pula diambil sempena dengan pembinaan 8 buah kota-kota pertahanan yang terletak di kawasan tinggi di sepanjang persisiran Sungai Johor iaitu Kota Kara, Kota Sayong, Kota Batu, Kota Seluyut, Kota Batu Sawar, Kota Touhid, Kota Tinggi dan Kota Panchor. Menyusuri laluan sejarah yang kaya dengan seni dan budaya tradisional mampu memberikan inspirasi dan seterusnya menyemarakkan lagi seni Bangsa Johor.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)